

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN  
(SIK)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status perolehan dan ekosistem penyelenggaraan persenjataan terkini pesawat terbang tanpa pemandu kategori Medium-altitude Long-endurance Unmanned Aircraft System (MALE UAS) bagi kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

**JAWAPAN**

Status perolehan pesawat terbang tanpa pemandu kategori *Medium Altitude Long Endurance Unmanned Aerial System* (MALE UAS) bagi kegunaan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) kini di dalam fasa Penilaian Fizikal dan pelaksanaan tertumpu ke atas platform MALE UAS yang telah lulus penilaian keseluruhan Teknikal Tender oleh ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal Tender (JPTT). Namun begitu, pihak Kementerian tidak boleh mendedahkan senarai platform MALE UAS yang telah disenarai pendek kerana ianya masih di dalam proses tender perolehan.

Dari segi penyelenggaraan persenjataan UAS, pada masa ini TUDM sedang melaksanakan kajian berkenaan ekosistem penyelenggaraan persenjataan tersebut. Secara asasnya, kajian dilakukan mengikut kesesuaian operasi dan penyelenggaraan persenjataan semasa yang dipraktikkan oleh TUDM.

Terima kasih.